

MBSP beri penghargaan kepada rakan strategik laksana program Local Action 21

BULETIN MUTIARA

Admin
December 20, 2024



SEBERANG JAYA – Pelbagai inisiatif telah dijayakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di bawah Local Action 21 (LA21) dalam menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya yang lebih mampan, inklusif dan sejahtera.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Baderul Amin Abdul Hamid berkata bahawa melalui pelbagai kerjasama yang terjalin, setiap inisiatif yang dilaksanakan dapat memberi impak yang positif dan berkekalan kepada generasi akan datang.

"Platform sebegini penting untuk kita mengiktiraf dan menghargai usaha serta komitmen semua rakan strategik yang telah bersama-sama MBSP bagi menjamin kelestarian alam sekitar.

"Adalah diharapkan agar kerjasama ini telah memenuhi nilai korporat MBSP sendiri iaitu bekerjasama di antara organisasi dan komuniti untuk meningkatkan hasil, mendapat pulangan yang baik bagi setiap ringgit dan meningkatkan tahap perkhidmatan.



"Pada kesempatan ini, saya juga ingin menyeru agar kita dapat memperbanyakkan lagi kerjasama strategik pada mana hadapan yang dapat memberi kebaikan kepada semua pihak," jelasnya semasa majlis berkaitan di Dewan Kenanga dekat Menara Bandaraya MBSP sebentar tadi.

Difahamkan, sijil penghargaan diberikan kepada enam agensi kerajaan, NGO (8) dan syarikat swasta (22) yang telah menjalin kerjasama strategik dalam menjayakan program-program berkaitan LA21.



Oleh : NUR ASHIKIN ISMAIL

Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS